

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @
TAMBAT [LUBOK ANTU]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan peranan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam membantu mengekal dan mempelbagaikan hutan negara kawasan Lanjak - Entimau bagi mengawal kemurnian alam sekitar sebagai perlindungan hidupan liar dan kestabilan iklim.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berperanan untuk menjalankan pelbagai projek penyelidikan bagi menyokong pemeliharaan dan pengurusan hutan secara berkekalan demi kelestarian biodiversiti dan alam sekitar.
2. FRIM telah dilantik oleh Jabatan Hutan Sarawak sebagai Perunding untuk menjalankan Inventori Sumber Hutan di kawasan Heart of Borneo (HoB) Sarawak yang turut meliputi kawasan Santuari Hidupan Liar Lanjak-Entimau (*Lanjak-Entimau Wildlife Sanctuary* - LEWS). Projek tersebut telah bermula pada Oktober 2016 sehingga Disember 2018. Pada masa ini kajian antara FRIM dan Jabatan Hutan Sarawak masih diteruskan melalui pelaksanaan Inventori Sumber Hutan di kawasan tambahan HoB di Sarawak sehingga tahun 2022.
3. Melalui hasil inventori ini, *Lanjak-Entimau Wildlife Sanctuary* telah dikenalpasti sebagai salah satu kawasan hutan yang masih kaya dengan sumber flora serta menyimpan stok karbon yang tertinggi di Sarawak. Melalui projek ini, beberapa cadangan telah diusulkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak melalui Jabatan Hutan Sarawak untuk terus memulihara kawasan tersebut bagi menjamin kelestarian hutan serta mengekalkan perkhidmatan ekosistem hutan yang terdapat di kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.